

# Jepun iktiraf pendidikan tinggi kita

» *Buka lembaran baharu ke arah lebih banyak pengajian ijazah bersekutu*

**Luqman Arif Abdul Karim**

luqman.arif@bh.com.my

✦ Fukuoka, Jepun



Jepun mengiktiraf kualiti sistem pendidikan tinggi Malaysia, khususnya dalam beberapa bidang sains hayat seperti pertanian, ekologi manusia dan penternakan.

Kejayaan yang disokong pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 itu antara lain membuka lembaran baharu ke arah mewujudkan lebih banyak prog-

ram pengajian ijazah bersekutu.

Presiden Institut Teknologi Kyushu (KYUTECH), Dr Morio Matsunaga, berkata penyelidikan dalam sektor pertanian dan penternakan yang dijalankan di Universiti Putra Malaysia (UPM) boleh diperkembangkan menerusi teknologi kejuruteraan bersesuaian.

Beliau berkata, perkongsian kepakaran membabitkan bidang kejuruteraan dan penyelidikan sains hayat kedua-dua universiti itu bakal memberi impak mendalam, khususnya dalam melonjak kualiti pendidikan serta kebolehpasaran graduan.

“Sektor pertanian dan penternakan di Jepun dijalankan pada skala yang lebih kecil berbanding Malaysia kerana kita lebih banyak memberi penekanan kepada bidang kejuruteraan.

“Justeru, kerjasama di antara KYUTECH dan UPM menerusi penyediaan program pengajian ijazah bersekutu berupaya melonjak taraf penyelidikan beberapa bidang, khususnya kejuruteraan, ekologi manusia, pertanian, hor-

tikultur serta penternakan,” katanya dalam temu bual eksklusif bersama BH, semalam.

Yang turut hadir, Pegawai Penyelaras Mobiliti Dasar Pandang Ke Timur Siri Ketiga UPM, Prof Madya Dr Hazandy Abdul Hamid.

Matsunaga berkata, rangka kurikulum ijazah bersekutu bagi program Doktor Falsafah Sains Hayat dan Kejuruteraan akan dibincangkan pada pertemuan dengan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, awal November ini.

## Rancangan jangka panjang

Pertemuan kedua selepas April lalu itu, katanya, akan turut membincangkan rancangan jangka panjang di antara KYUTECH dan UPM, khususnya dalam memperkukuhkan program mobiliti pelajar yang dijalankan, sejak tahun 2011 hasil kerjasama dengan Pengetua Kolej 13, Prof Madya Dr Arifin Abdu.

“Kita mempunyai banyak kilang di sekitar Thailand dan Malaysia, namun aspek pengurusan sering



“**Sektor pertanian dan penternakan di Jepun dijalankan pada skala yang lebih kecil berbanding Malaysia kerana kita lebih banyak memberi penekanan kepada bidang kejuruteraan**”

**Dr Morio Matsunaga,**  
Presiden KYUTECH

terjejas kerana jurutera yang menghabiskan pengajian di Jepun kurang mendapat pendedahan mengenai budaya, adat serta sosial masyarakat di rantau ini.

“Sehubungan itu, program ijazah bersekutu dan mobiliti pelajar antara KYUTECH-UPM boleh dijadikan landasan untuk pelajar Jepun menimba pengetahuan, selain mendekati corak kehidupan masyarakat Malaysia.

“Pembelajaran menerusi pendekatan seperti ini adalah pemangkin ke arah mewujudkan graduan berkebolehan tinggi, selain mengukuhkan penguasaan bahasa asing, termasuk bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Jepun,” katanya.

Meskipun menghampiri penggal perkhidmatan sebagai Presiden Kyutech, menjelang akhir Mac tahun depan, Matsunaga berkata, dasar antarabangsa dengan UPM akan diteruskan kerana cadangan itu telah diutarakan kepada Kementerian Pendidikan, Budaya, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun.